

# KPT lancar tiga inisiatif baharu di bawah SULAM

**PUTRAJAYA:** Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) semalam melancarkan tiga inisiatif baharu di bawah Service Learning Malaysia-University for Society (SULAM) iaitu program yang menggabungkan pembelajaran dengan khidmat komuniti.

Menyertai pelancaran tiga inisiatif berkenaan ialah SULAM-Net, Portal SULAM dan penganjuran ‘e-SULAM Ideation, Invention and Innovation Challenge’ (e-SULAM INNOVATE).

Beliau berkata SULAM-Net atau SULAM-Network adalah jaringan yang dapat memperluaskan keterlibatan semua pemegang taruh dalam pelaksanaan projek SULAM dengan lebih berkesan dan memberikan impak besar kepada komuniti.

Katanya, menerusi SULAM-Net, institusi pengajian tinggi (IPT) dapat menyelaraskan dengan lebih terancang dan tersusun pro-

gram-program SULAM di seluruh negara agar menuhi keperluan sesebuah komuniti.

“Saya yakin jaringan ini boleh diperluaskan ke peringkat antarabangsa yang seterusnya mampu meningkatkan lagi keupayaan dan keberkesanan SULAM,” katanya ketika pelancaran ketiga-tiga inisiatif SULAM di sini semalam.

Noraini berkata Portal SULAM yang dibangunkan dengan kerjasama Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) Universiti Putra Malaysia (UPM) pula akan menjadi rujukan utama program itu supaya komuniti dapat berkongsi permasalahan dihadapi melalui ruang disediakan.

Katanya, pihak industri dan agensi juga boleh mengetahui permasalahan yang dikemukakan oleh komuniti melalui portal berkenaan.

“Ini membolehkan pihak IPT, industri atau agensi relevan mengenal pasti ker-

jasama yang boleh dijalankan bagi membantu komuniti tersebut khususnya dari aspek pembangunan komuniti,” katanya.

Beliau berkata bagi menarik minat komuniti melayari Portal SULAM, KPT turut menganjurkan pertandingan e-SULAM Innovate yang dijangka dapat menggalakkan pelaksanaan aktiviti SULAM secara dalam talian di IPT.

“Malah pelajar berpeluang mengetengahkan projek SULAM dalam talian berimpak tinggi secara lebih kreatif dan inovatif. Pada masa sama, mereka boleh melengkapkan kursus yang berkaitan dan menyumbang kepada komuniti,” katanya.

Sejak dilancarkan tahun lepas, sebanyak 445 program akademik di universiti awam melaksanakan projek SULAM yang berjaya menarik pelbagai komuniti dari peringkat bandar hingga luar bandar, antaranya komuniti orang asli dan anak yatim.

— Bernama